

KONSEP KEADILAN DAN PENGAMALANNYA DI KERAJAAN  
RIAU-LINGGA ABAD-19 MENURUT RAJA ‘ALĪ ḤĀJĪ

AI WARDAH MARDIAH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Falsafah

Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2016

## DEDIKASI

هُوَ الَّذِي يُنَزِّلُ عَلَىٰ عَبْدِهِ آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لِّيُخْرِجَكُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ ۚ وَإِنَّ اللَّهَ بِكُمْ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١﴾

Dialah yang menurunkan kepada hamba-Nya ayat-ayat yang terang supaya  
Dia mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada cahaya. Dan sesungguhnya Allāh benar-  
benar Maha Penyantun lagi Maha Penyayang terhadapmu.

Qur'ān Surah *al-Hadīd*,(57:9)

Untuk para pembekal cinta yang tak terhad,  
Ayah Ibuku :  
**Didi Koswiar-Maya Maryati**

Keluarga kecilku :  
**M.Hidayat, Aiman, Fathia dan Adhie**

## PENGHARGAAN

Banyak perkara yang tak dapat dijangka dalam hidup ini. Bagi saya, belajar di CASIS adalah salah satunya. Diberikan peluang untuk dapat belajar kepada Guru-guru yang luar biasa dan dikelilingi rakan sahabat seawat yang sentiasa memberikan dukungan serta lingkungan persekitaran yang amat menyokong tumbuhnya budaya ilmu, adalah salah satu anugerah terbesar dalam hidup ini. Keraguan diri yang datang tanpa bekal memadai sama ada dari segi material mahupun bekal intelektual, hilang lesap dalam lingkungan yang sedemikian.

Adalah satu kepastian bahawa ilmu yang benar akan membawa makhluk kepada kedekatan dengan Penciptanya dan di CASIS inilah, perasaan semakin dekat kepada Khalik, tumbuh dengan suburnya dibajai arahan dan bimbingan para Guru. Rakaman penghargaan dan setinggi ucapan terima kasih saya haturkan kepada Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, Pengasas dan Pengarah CASIS yang pertama. Prof. Dr. Muhammad Zainy Uthman, Pengarah CASIS masa ini, Prof. Dr. Tatiana Denisova, Prof. Madya. Dr. Syamsuddin Arif, Prof. madya. Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah, Prof. Madya. Dr. Adi Setia Mohd.Dom, Prof. Madya. Dr. Khalif Muammar A.Harris dan Dr. Suleiman Muhammad Hussein Boayo.

Setinggi penghargaan dan terima kasih disampaikan khas kepada pembimbing penulis, Prof. Madya. Dr. Khalif Muammar A.Harris, yang dengan kesabaran dan ketelitian beliau membimbing penulis sejak mula pemilihan tajuk penelitian sampailah kepada selesainya. Moga Allāh *subhanahu wa Ta'ālā* membalaskan semua kebaikan tuan-tuan dan puan-puan dengan pahala yang berlipat ganda.

Tidak dilupakan pula jasa baik seluruh staff CASIS UTM yang sentiasa memberikan dokongan bagi semua kegiatan yang berlangsung di CASIS. Puan Sharifah Fadzlina al-Husaini, Kak 'Shida' Rashidah Sarip yang telah menjadi kakak dalam makna yang sebenar bagi seluruh mahasiswa CASIS, yang tak pernah kesah disusahkan dengan pelbagai perkara daripada A-Z. Bagi penulis, Kak Shida adalah tempat menumpahkan airmata manakala kegalauan dan pelbagai masalah datang melanda. Terima kasih disampaikan untuk kaka. Tak dilupakan, Cik Puan Norehan Ismail, Che Muhammad Nor yang telah bersara serta Amir.

Banyak pula kenangan manis dan pengetahuan yang didapat daripada *CASIS Woman Supportif Club*, khas kepada Prof.Dr. Ratnawati Mohd.Asraf, Kak Norsiah, Raja Nur Syaza binti Raja Abdullah, Sister Dr.Adibah Noor, Sis Asma, dan Sis Murni. Rakan dan sahabat CASIS: Syed Muhiyyuddin Syed Hussein al-Attas, Wan Ahmad

Faisal, Mohd. Husni, Mohd. Syafiq Borhanuddin, Mohd. Ikhwan Azlan, Sharifah Hajar al-Mahdaly, adik-adik : Norziaty Mohd Rosman, Aisyah Ngadiran, Aja Atikah, Sarah Syafiqah, Nisywa, dan ramai lagi yang tak boleh saya sebutkan di sini. Rakan penulis di *Durrajazmine*, sis Khalina Mohd Khalili dan Sis Idayu Abd.Wahid yang sentiasa membangunkan semangat optimistik dan mengajari semangat keusahawanan kepada penulis. Rakan-rakan antara bangsa; Sis Alaniah Wahid, Brother Gokhan Ali Dorum, Bayram Durdi, Hasanul Arifin Zawawi, Ismail Ya'u Abu Bakar, dan lainnya. Tak dilupakan pula, rakan sekampung senegara yang sama-sama menuntut ilmu di sini. Tangis airmata dan tawa yang mewarnai hari-hari kita dalam masa menuntut ilmu di CASIS, akan sentiasa abadi dalam ingatan. Mestra Wirman, Fiqih Risalah, Ali Muchtar, Zakky Azani, Haerul Anwar Juddah, Arif Munandar, Saidina Usman al-Quraishi, Usep Muhammad Ishaq, Edi Kurniawan, Mukhlas Nugraha, Rahmat Hidayat, Muhammad Hanif al-Hakim, Kun Ali, Muhammad Yunus, Khairurrijal, Fejri Gasman, Elit Ave, Rizki Febrian dan satu-satunya rakan wanita Indonesia di CASIS, Nabila Yasmin, yang mewarisi darah pejuang Aceh.

Penghargaan dan terima kasih juga disampaikan khas kepada Ustadz Muhammad Ardiansyah dan Ustadz Alwi Alatas dari *Ma'had 'Aly Hujjatul Islām*, atas semua pertolongannya dalam melengkapkan bahan kajian untuk tesis ini.

Tiada satupun di dunia ini yang dapat dijadikan pembayar bagi semua jasa, pengorbanan dan perjuangan kedua orang tua saya yang sentiasa menyokong apapun yang saya yakini benar, hingga saat ini. Semua dukungan, sokongan semangat dan doa yang terus mengalir dari mereka, adalah tenaga yang membuat saya tetap bertahan di tengah semua cabaran. Mudah-mudahan Allāh berkenan menjadikan saya anak yang berbakti hingga ke ujung nafas. Amiin. Untuk saudara-saudaraku: Jajang Miftahuddin, Iis Khaeriyah, Titin Khatimah dan Lilik Dwi Yuliani serta keluarga besar Koswiar, terima kasih atas dukungan dan do'a semua. Khas untuk keluarga kecilku, maafkan ummi kerana banyak sekali hak-hak kalian yang belum ummi tunaikan. Terima kasih di atas kesabaran dan ketegaran kamu semua dalam menjalani tahun-tahun belakangan ini dengan ketidakhadiran ummi sepenuhnya untuk kamu.

Akhir bicara, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, yang sentiasa memberikan bantuan dan idea serta pelbagai sokongan yang bernas sehingga saya dapat menyelesaikan tesis ini. Semoga Allah membalaskan semua budi baik tuan-tuan dan puan-puan semua dengan segala kebaikan. Terima kasih

Ampang hilir, September 2015

## ABSTRAK

Tesis ini membincangkan konsep keadilan Raja‘Alī Ḥāji (1809-1873M) dengan menggunakan analisis kandungan teks (*content analysis*) dan perbandingan teks. Pendekatan ini dilakukan dengan penelaahan yang bertumpu kepada karya-karya Raja‘Alī Ḥāji yang mengandungi makna keadilan. Kajian diawali dengan pertanyaan apakah konsep keadilan yang terkandung dalam karya-karya Raja‘Alī Ḥāji dan bagaimana pengamalan konsep keadilan tersebut khasnya di Kerajaan Riau-Lingga pada kurun ke-19. Untuk menjawab pertanyaan tersebut, dilakukan pembacaan dan analisis terhadap tiga karya terpilih beliau iaitu; *Gurindam Dua Belas*, *Muqaddimah fī Intizām al-Waḥā’if al-Malik* dan *Thamarat al-Muhimmah Diyāfat li’l Umarā’ wa’l Kubarā’ li Ahli al-Mahkamah*. Selain dari ketiga-tiga bacaan utama tersebut, dilakukan pula pembacaan terhadap karya historiografi Raja‘Alī Ḥāji iaitu *Tuhfat al-Nafīs*. Dengan kaedah analisis kandungan ini, konsep keadilan difahami dengan cara mengumpulkan kata-kata kunci, sama ada yang mengandungi makna keadilan ataupun yang berlawanan dengannya. Pengkaji juga membandingkan naskah-naskah tersebut kerana masing-masing memiliki keterkaitan kandungan yang kuat. Bab pertama daripada tesis ini mengandungi antaranya latar belakang, pernyataan masalah, skop kajian dan metodologi kajian. Manakala bab kedua berisi tentang riwayat hidup singkat Raja‘Alī Ḥāji dan persekitaran beliau. Seterusnya, inti perbincangan kajian ditayangkan pada bab ketiga dan keempat tesis ini. Di dalamnya dituliskan hasil kajian iaitu bahawa daripada *Gurindam Dua Belas*, dapat dikenalpasti kata-kata kunci yang menjadi landasan metafizik bagi terbinanya keadilan individu iaitu; agama, diri, dunia dan akhirat. Agama itu sendiri mengandungi beberapa perkara yang menjadi tahapan menuju *ma‘rifatuLlāh* yakni pengenalan yang hakiki kepada Allāh. Daripada *Muqaddimah fī Intizām* pula, dapat dikenalpasti pelbagai ciri individu yang adil, yang kriterianya dirumuskan Raja‘Alī Ḥāji dengan berdasarkan perkara-perkara kunci yang telah didedehkannya pada *Gurindam Dua Belas*. Seterusnya, daripada *Thamarat al-muhimmah*, dapat dikenalpasti definisi keadilan dalam bentuk pengamalan. Kemudian, daripada *Tuhfat al-Nafīs* dapat ditemukan beberapa kes yang menggambarkan pengamalan konsep keadilan Raja‘Alī Ḥāji. Dengan demikian, terdapat keterkaitan antara kandungan teks *Gurindam Dua Belas* sebagai inti pemikiran tasawwuf Raja‘Alī Ḥāji dengan kandungan *Muqaddimah fī Intizām*, *Thamarat al-Muhimmah* dan *Tuhfat al-Nafīs* sebagai terapannya. Akhirnya, kajian ini menyimpulkan bahawa konsep keadilan Raja‘Alī Ḥāji sesungguhnya adalah konsep keadilan yang menyeluruh sifatnya (*holistic*). Ianya tidak dipisah-bahagikan kepada jenis-jenis keadilan yang saling menafikan kerana berakar pada kesedaran dan pengenalan kepada Allāh. Ini bermakna bahawa keadilan yang ideal adalah keadilan yang bermula daripada kontrak atau ikatan peribadi manusia dengan Tuhannya dan bukan keadilan yang dibangunkan dengan berasaskan kontrak sosial.

## ABSTRACT

This thesis intends to discuss and evaluate Raja ‘Alī Hāji’s conception of justice by using content analysis approach. This approach is carried out with special focus on Raja ‘Alī Hāji’s works that elaborate the meaning of justice. The study began with questions pertaining to Raja ‘Alī Hāji’s conception of justice and how it was applied in the Riau-Lingga Kingdom during his time in the 19th century. In order to find the answer, we have read and analyzed three of his writings entitled: *Gurindam Dua Belas*, *Muqaddimah fī Intizām al-Waḥā’if al-Malik* and *Thamarat al-Muhimmah Diyāfat li’l Umarā’ wa’l Kubarā’ li Ahli al-Mahkamah*. On top of that, we also read Raja ‘Alī Hāji’s book on Malay historiography entitled *Tuḥfat al-Nafīs*. In operationalizing the content analysis approach we have collected and identified some key terms which are related to the meaning of justice or bear a contrary meaning to it. We also compare these works with one another to make apparent their strong connection with one another in the sense of its contents. First chapter of this thesis contents such as background of the study, problem statement, scope of study and methodology, while second chapter contents short biography and milieu of Raja ‘Alī Hāji. The core of the study will be displayed in the third and fourth chapters. In this study, we found that we could identify some key terms from the *Gurindam Dua Belas* which could be regarded as preconditions for justice within the self, i.e. religion, self, this worldly life (*al-dunyā*) and hereafter (*al-ākhirah*). The word religion itself contains some aspects that can be regarded as the stages towards attaining *ma’rifatuLlāh*, the true knowledge of God. Furthermore, from the *Muqaddimah fī Intizām* various features can be identified as the characteristic of a just person. Those features were formulated by Raja ‘Alī Hāji using key terms that have been highlighted in *Gurindam Dua Belas*. Furthermore from *Thamarat al-Muhimmah*, Raja ‘Alī Hāji’s definition of justice can be identified as a practical concept. Finally, from *Tuḥfat al-Nafīs* many cases of the practical concept of justice according to Raja ‘Alī Hāji can be found. Due to this, a connection emerges between the texts of *Gurindam Dua Belas* which functions as the core (of his discourse on justice) and *Muqaddimah fī Intizām al-Waḥā’if al-Malik*, *Thamarat al-Muhimmah* and *Tuḥfat al-Nafīs* the practical aspect of it. In conclusion, this study reveals that the concept of justice according to Raja ‘Alī Hāji is indeed a holistic one. It is not categorized and limited into particular types of justice, for it is grounded in the knowledge of Allāh. This research defines the ideal concept of justice as one that is initiated from the individual contract known as *al-mithaq*, a contract that indicates covenant between man and God and not merely the concept of justice that arises based on social contract.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>DEKLARASI</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	vi
	<b>ABSTRACT</b>	vii
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	viii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
	<b>SENARAI TERJEMAHAN</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian	4
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Skop Kajian dan Pengertian Tajuk	5
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.6 Sorotan Literatur	6
	1.7 Metodologi Kajian	11
	1.7.1. Sumber-Sumber Kajian	12
	1.7.2. Metode	13
	1.7.3. Langkah-Langkah Kajian	14
	1.8 Susunan Kajian	15

<b>2</b>	<b>RAJA ‘ALĪ ḤĀJĪ DALAM DINAMIKA KERAJAAN RIAU-LINGGA</b>	<b>16</b>
	2.1 Gambaran Sosial Politik Riau-Lingga Hingga Kurun ke-19	16
	2.2 Latar Kehidupan dan Pendidikan Raja ‘Alī Ḥāji: Sekilas Pandang	22
	2.3 Karya-karya dan Ketokohan Raja ‘Alī Ḥāji	27
	2.4 Peranan Ulama dalam Dakwah di Pulau Penyengat	39
<b>3</b>	<b>KONSEP KEADILAN MENURUT RAJA ‘ALĪ ḤĀJĪ</b>	<b>48</b>
	3.1 Konsep Keadilan dalam al-Qur’ān	48
	3.2 Definisi Keadilan Menurut Raja ‘Alī Ḥāji	50
	3.3 Landasan Metafizik Konsep Keadilan Raja ‘Alī Ḥāji	54
	3.4 Ciri-ciri Raja Adil dalam <i>Muqaddimah fī Intizām al-Wazā’if al-Malik</i>	64
	3.5 Jenis-jenis Keadilan Menurut Raja ‘Alī Ḥāji	71
<b>4</b>	<b>PENGAMALAN KONSEP KEADILAN DI KERAJAAN RIAU-LINGGA ABAD KE-19 MENURUT RAJA ‘ALĪ ḤĀJĪ</b>	<b>84</b>
	4.1 Ehwal Kekuasaan Raja	86
	4.2 Ehwal Keadilan Raja	93
	4.3 Struktur Pentadbiran Kerajaan Riau-Lingga	96
	4.4 Pengamalan Keadilan dalam Institusi Utama Kerajaan	98



4.4.1	Kementerian ( <i>al-Wizarat</i> )	98
4.4.2	Institusi Peradilan (mahkamah)	101
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>106</b>
5.1	Cadangan dan Saranan	111
	<b>RUJUKAN</b>	<b>112</b>
	LAMPIRAN A-G	121-131

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
3.1	Ciri-ciri Raja Adil Dalam <i>Muqaddimah</i> <i>fī Intizām al-Wazā'if al-Malik</i>	66
3.2	Ciri-ciri Raja Zalim Dalam <i>Muqaddimah</i> <i>fī Intizām al-Wazā'if al-Malik</i>	69

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
3.1	Kandungan asasi Gurindam Dua Belas	56
4.1	Struktur Pentadbiran Kerajaan Riau-Lingga	97
5.1	Kesinambungan Idea Keadilan dalam Teks Kajian	110

## SENARAI TERJEMAHAN

### I. HURUF

Huruf Arab	Huruf Rumi
ء	'
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	Ş
ض	Ḍ
ط	Ṭ
ظ	Ẓ
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه	H

ي	Y
---	---

## II. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Rumi
◌َ	A
◌ِ	I
◌ُ	U

## III. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Rumi
◌ِ / ◌ِ	Ā
◌ِ	Ī
◌ِ	Ū

## IV. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Rumi
◌ِ	Aw
◌ِ	Ay
◌ِ	Iyy/I
◌ِ	Uww/ū

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Peta Kawasan Kepulauan Riau	121
B	Cap Peribadi Raja ‘Alī Ḥāji dan Cogan Regalia Kerajaan Riau-Lingga	122
C	Salinan Naskah Gurindam Dua Belas Terawal	123
D	Salinan Naskah Cetak Baru (Lithografi) Gurindam Dua Belas	124
E	Salinan Naskah Cetak batu <i>Muqaddimah fī Intizām al-Wazā’if al-Malik</i>	125
F	Salinan Naskah <i>Thamarat al-Muhimmah Ḍiyāfat li’l Umarā’ wa’l Kubarā’ li Ahli al-Maḥkamah</i> terawal, 1860 M	126
G	Muqaddimah fī Intizām al-Wazā’if al-Malik	127

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Memasuki dekad kedua dalam kurun ke-21 ini, penglihatan dan pendengaran kita semakin sarat diisi dengan pelbagai peristiwa yang merungsingkan. Pertikaian dan pertelingkahan antara manusia, penindasan oleh pihak yang kuat kepada yang lemah, kezaliman penguasa negeri kepada rakyatnya, pelbagai kes rasuah dan penyelewengan amanah serta jenayah, tidak pernah lepas dari media penyampai maklumat, sama ada akhbar mahupun media elektronik. Hal ini menunjukkan kerosakan akhlak yang terjadi hampir merata-rata. Gambaran keadaan zaman yang celaru telah nyata kini adanya. Keadaan sedemikian, sebagaimana dinyatakan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud, berpunca dari masalah dalaman (*internal*) dan luaran (*external*) yang meruncing. Masalah dalaman berasal dari keruntuhan adab (*loss of adab*), iaitu kehilangan disiplin akli, rohani dan jasadi yang menghilangkan keupayaan meletakkan suatu perkara di tempat yang wajar. Manakala masalah luaran yang menjadi punca permasalahan zaman ini adalah akibat mendalam dari pertentangan kekal kebudayaan dan tamadun Barat terhadap Islām.<sup>1</sup>

Syed Muḥammad Naquib al-Attas menyatakan bahawa permasalahan adab secara langsung akan berhubungkait dengan perkara keadilan kerana penjelmaan adab akan membentuk masyarakat yang membayangkan keadilan.<sup>2</sup> Oleh itu dapat dikatakan bahawa mana-mana bentuk kekacauan adalah perwujudan dari berlakunya

---

<sup>1</sup> Lihat pengantar Wan Mohd Nor Wan Daud dalam Syed Muḥammad Naquib al-Attas, *Islam dan Sekularisme* (Bandung: PIMPIN, 2011), xviii

<sup>2</sup> Untuk penjelasan yang lebih mendalam, sila rujuk S. M. N. al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, 42

ketidakadilan dan hilangnya adab. Seterusnya, hilangnya adab akan menyiratkan hilangnya keadilan.<sup>3</sup> Kerana keadilan itu secara langsung menjadi dasar akhlak dan budipekerti,<sup>4</sup> maka kerosakan akhlak dalam masyarakat kita, memberi gambaran bahawa kefahaman terhadap perkara keadilan telah memudar sehingga nilai-nilai keadilan tidak lagi diendahkan dalam kehidupan.

Kerosakan akhlak dan runtuhnya prinsip-prinsip keadilan pula, yang sejatinya menjadi sebab utama ketidakmampuan para pentadbir negara di banyak tempat pada masa ini, untuk membina masyarakat yang sejahtera dan membawa kehidupan bangsa secara amnya menuju kejayaan. Kes-kes rasuah, penyelewengan fungsi-fungsi pentadbiran negara, dan hilangnya kemampuan institusi-institusi dalam negara untuk melaksanakan tugas-tugasnya, berlaku apabila prinsip-prinsip keadilan ini telah hilang.

Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada usaha mengungkapkannya semula konsep keadilan mahupun pengamalannya yang telah sedia ada dan diajarkan oleh para ulama dan sarjana Islām sejak dari awal dahulu, khususnya di alam Melayu. Pembacaan awal kepada karya-karya Raja‘Alī Ḥāji (1808-1873),<sup>5</sup> salah seorang sarjana dan ulama prolifik Melayu kelahiran Pulau Penyengat, Kerajaan Riau-Lingga di awal abad ke-19, memberi gambaran bahawa karya beliau ini sarat dengan nilai-nilai keadilan serta petunjuk kepada pelaksanaannya. Karya-karya beliau yang mencakup empat belas naskah,<sup>6</sup> hampir kesemuanya mengandungi upaya untuk memberi

---

<sup>3</sup> Ibid, 129

<sup>4</sup> Untuk penjelasan yang lebih mendalam, sila rujuk S. M. N. al-Attas, *Risalah Untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: ISTAC, 2001), 37

<sup>5</sup> Mengenai tahun kelahiran dan kematian Raja‘Alī Ḥāji, tiada satu sumber pun yang tepat. Angka 1873 M sebagai tahun kematian Raja‘Alī Ḥāji, ditulis berdasarkan tarikh surat terakhir Raja‘Alī Ḥāji kepada Hermann von de Wall yakni 31 Disember 1872. Ini bermakna, Raja‘Alī Ḥāji meninggal setelah tahun 1872. Sebagaimana dituliskan Hooker, terdapat catatan yang dibuat oleh William Maxwell yang menyimpulkan bahawa Raja‘Alī Ḥāji meninggal dalam usia 78, yakni pada tahun 1887, namun Hooker lebih meyakini bahawa Raja‘Alī Ḥāji meninggal dalam usia 63 dengan berdasarkan kepada data tambahan yang diperoleh Muḥammad Anas daripada catatan dan maklumat kerabat kerajaan Riau-Lingga. Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk Hooker, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu Islam* (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998).

<sup>6</sup> Abu Hassan Sham menyenaraikan karya Raja‘Alī Ḥāji sebagai berikut: *Tuhfat al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis, Thamarat al-Muhimmah, Muqaddimah fī Intizām Wazā‘if al-Malik, Bustān al-Kātibīn Kitab Pengetahuan Bahasa, Gurindam Dua Belas, Syair Nasihat, Syair Abdul Muluk, Syair Hukum Nikah/Syair Suluh Pegawai, Syair Siti Sianah dan Syair Sinar Gemala Mastika Alam*, manakala Teuku Iskandar, dalam *Kesusastaan Klasik Melayu Sepanjang Abad* (Brunei Darussalam: Jabatan Kesusastaan Melayu, Universiti Brunei Darussalam, 1995), menyebutkan karya Raja‘Alī Ḥāji mencapai 15 buah, termasuk *Syair Hukum Faraidh* dan *Ikat-ikatan Dua Belas Puji*. Iskandar juga memisahkan *Syair Suluh Pegawai* dari *Syair Hukum Nikah*. Virginia Hooker dan Van Der Putten



kefahaman kepada pembaca dan masyarakat mengenai adab dan akhlak yang baik. Dalam tilikan awal pengkaji, pemikiran mengenai prinsip-prinsip keadilan dalam karya Raja‘Alī Ḥāji ini masih dapat diguna pakai dalam pentadbiran kerajaan dan dalam upaya membawa masyarakat menuju kesejahteraan dan kejayaannya. Pemikiran keadilan dan bagaimana pengamalannya menurut Raja‘Alī Ḥāji inilah yang menjadi tumpuan utama kajian ini.

Kajian ini bermaksud untuk meneliti lebih dalam dan lebih banyak lagi idea keadilan Raja‘Alī Ḥāji dalam karya-karyanya dan mengkaji bentuk amalinya sebagai warisan agung bagi generasi masa kini dan hadapan. Upaya ini dilakukan untuk menepis anggapan Barat yang sentiasa memperkecilkan peranan ulama khususnya di rantau Melayu, dan mengira bahawa Islām tidak lagi sesuai untuk memecahkan permasalahan-permasalahan kontemporari zaman ini. Padahal, sebagaimana ditegaskan oleh al-Attas, “umat Islām tidak pernah kekurangan dalam perkara solusi ke atas permasalahan manusia. Pusaka tinggi yang diturunkan, berlimpah peri ilmu mengenai akal dan kalbu, diri dan ruh. Guru-guru yang menurunkannya memiliki ilmu pengenalan *akali* dan *ruhani* yang kehidupannya berhiaskan *ihsān*. Sesungguhnya warisan yang kita miliki ini memiliki nilai bagi insan seluruh zaman, mengatasi sejarah dan gejala-gejala perubahan sehingga sentiasa baharu dan moden.”<sup>7</sup> Sungguh suatu kerugian yang besar apabila kita tidak mengambil berat kepada warisan agung yang ditinggalkan oleh guru-guru kita.

Oleh itu, Raja‘Alī Ḥāji adalah antara guru kita yang mewariskan karya agungnya. Karya-karya yang terhasil dari beliau sarat dengan nilai tradisi Islām yang bersumber pada al-Qur’ān, sunnah Nabi dan warisan para pemikir terdahulu. Intipati pemikiran beliau, sepatutnya dikaji dan dianalisa secara mendalam untuk kemudian disebarkan semula ke serata masyarakat bagi memperkasakan semula warisan agung yang boleh menjadi jawapan untuk permasalahan-permasalahan zaman.

---

menambahkan *Syair Awai* ke dalam senarai karya Raja‘Alī Ḥāji, meskipun untuk itu harus dilakukan penelitian lebih lanjut.

<sup>7</sup> Untuk penjelasan yang lebih mendalam sila rujuk S. M. N. al-Attas, *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, 157

## 1.2 Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian

Berdasarkan perbincangan dalam bahagian pengenalan, isu keadilan ini perlu untuk terus diperbincangkan kerana realiti yang ada menunjukkan adanya kekeliruan dalam memahami makna keadilan dan pengamalannya. Maka, masalah pokok yang akan dibincangkan sebagai kajian utama adalah apakah konsepsi yang benar tentang keadilan menurut Islām khususnya yang diterangkan oleh Raja‘Alī Ḥāji, seorang ulama yang terlibat secara langsung dalam pemerintahan kerajaan Riau-Lingga. Untuk menemukan jawapan yang mendalam dan agar pembahasan menjadi lebih terarah, maka permasalahan pokok kajian ini adalah mencari makna keadilan yang dapat difahami dan dirumuskan dari karya-karya Raja‘Alī Ḥāji mengenai keadilan yang diungkapkannya secara terpisah-pisah pada karya-karya terpilih, sama ada dalam bentuk kata yang memiliki makna sama dengan keadilan, ataupun kata yang berlawanan makna dengannya.

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah di atas, kajian ini berusaha untuk menjawab beberapa soalan, iaitu :

1. Apakah konsep keadilan menurut Raja‘Alī Ḥāji yang terkandung dalam karya-karyanya?
2. Bagaimana pengamalan konsep keadilan Raja‘Alī Ḥāji pada pentadbiran Kerajaan Riau-Lingga pada kurun ke-19, yang dirakamkan dalam karya-karyanya?

## 1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian di atas, kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengkaji dan menganalisa konsep keadilan sebagaimana yang diterapkan Raja‘Alī Ḥāji dalam karya-karyanya

2. Mengkaji pengamalan konsep keadilan Raja‘Alī Ḥāji melalui karya-karyanya, di Kerajaan Riau-Lingga pada kurun ke-19

#### 1.4 Skop Kajian dan Pengertian Tajuk

Konsep yang dimaksud dalam kajian ini adalah hakikat universal mengenai sesuatu iaitu suatu gambaran yang bersifat umum dan abstrak tentang sesuatu. Gambaran yang umum dan abstrak itu, berlaku di dalam fikiran.<sup>8</sup> Konsep dapat dilihat daripada dua sisi yakni dari sisi subjek mahupun objek. Dari sisi subjek, suatu konsep adalah aktiviti merumuskan sesuatu di dalam fikiran manakala dari sisi objek, konsep adalah isi dan makna dari sesuatu itu.<sup>9</sup> Dengan demikian, ruang lingkup tajuk tesis ini adalah rumusan dan gambaran yang bersifat abstrak tentang hakikat keadilan dalam pemikiran Raja‘Alī Ḥāji dan keterkaitannya dengan pengamalannya di kerajaan Riau-Lingga pada kurun ke-19.

*Gurindam Dua Belas* dan *Muqaddimah fī Intizām al-Wazā‘if al-Malik* (selepas ini akan dipendekkan menjadi *Muqaddimah fī Intizām*) dijadikan sebagai teks yang dianalisis dengan pertimbangan bahawa keduanya antara karya terawal yang terhasil daripada Raja‘Alī Ḥāji. Pengkajian terhadap karya terawal beliau, dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan idea terawalnya mengenai keadilan. Manakala *Thamarat al-Muhimmah Diyāfat li‘l-Umarā wa‘l Kubarā‘ i li-Ahli al-Maḥkamah* (selepas ini akan dipendekkan menjadi *Thamarat al-Muhimmah*) dipilih sebagai karya berikutnya untuk dikaji, untuk melihat apakah ada kesinambungan pemikiran keadilan beliau dalam ketiga-tiga karya ini. Selanjutnya, sebagai tambahan akan dilakukan juga pembacaan kepada *Tuḥfat al-Nafīs* sebagai bukti yang menguatkan adanya pengamalan keadilan berasaskan pemikiran Raja‘Alī Ḥāji di kerajaan Riau-Lingga pada kurun ke-19.

Mengenai kaitan antara *Thamarat al-Muhimmah* dengan *Tuḥfat al-Nafīs*, Jelani Harun menyatakan bahawa meskipun kedua-dua karya berbeza sama ada dari

<sup>8</sup> Dagobert D. Runes (ed.), *Dictionary of Philosophy* (New Jersey:Adams&co.,1977),61

<sup>9</sup> J.Sudarminta, *Epistemologi Dasar* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 2002), 87

segi kandungan mahupun tujuan penulisannya serta tiada sebarang tanda yang menunjukkan niat Raja‘Alī Ḥāji untuk menghubungkannya, namun besar kemungkinan wujud pertautan idea yang sama dalam keduanya. Beliau bahkan mengasumsikan bahawa ada kemungkinan *Tuhfat al-Nafīs* menjadi pelengkap kepada *Thamarat al-Muhimmah* dan begitu juga sebaliknya, sebagaimana Andaya dan Matheson yang mengesannya untuk pertama kali.<sup>10</sup> Kata beliau, ketokohan Raja‘Alī Ḥāji sebagai penasihat raja, akan terserlah seandainya *Thamarat al-Muhimmah* dibicarakan secara bersama dengan *Tuhfat al-Nafīs*.<sup>11</sup>

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang boleh disimpulkan sebagaimana berikut: pertama, kajian ini menjelaskan konsep keadilan dalam Islām yang terangkum dalam karya Raja‘Alī Ḥāji, seorang ulama yang mewarisi tradisi *Ahlu al-sunnah wa al-Jama‘ah*(ASWJ); kedua, kajian ini merupakan usaha mengungkap bagaimana pengamalan atau pelaksanaan konsep keadilan dalam pentadbiran kerajaan Riau-Lingga pada masa Raja‘Alī Ḥāji dan sekali gus melengkapkan kajian terhadap pemikiran Raja‘Alī Ḥāji sebagai ulama dan ahli pentadbiran negara.

## 1.6 Sorotan Literatur

Raja‘Alī Ḥāji adalah seorang ilmuwan yang dikenali khalayak secara luas. Oleh itu, tidaklah menghairankan apabila karya tulis mengenai beliau tersebar merata-rata. Sebagai ulama terkemuka, kepakaran beliau yang melingkupi bidang bahasa dan

---

<sup>10</sup> Jelani Harun, *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003),251-252

<sup>11</sup> *Ibid.*,276

sastera, sejarah, agama (Islām) mahupun ilmu tatanegara<sup>12</sup>, menyebabkan banyaknya karya dan kajian ilmiah mengenai beliau berdasarkan kepada aspek-aspek tersebut dan telah pula menghasilkan pelbagai kesimpulan. Bagaimanapun kajian yang secara khas meneliti konsep keadilan yang terkandung dalam karya-karya Raja‘Alī Ḥāji, sejauh pengetahuan pengkaji, belum lagi dijumpai. Kalaupun ada kajian yang sama-sama mengkaji *Thamarat al-Muhimmah*, misalnya, ianya dilakukan dengan sudut pandang dan tumpuan yang berbeza seperti yang dilakukan oleh Mahdini (1998) dalam tesis peringkat sarjananya yang bertajuk *Thamarat al-Muhimmah; Studi Pemikiran Raja‘Alī Ḥāji tentang Negara*. Kajian Mahdini ini, lebih menitikberatkan kepada aspek caragaya pemerintahan kerajaan yang menurutnya, dibina berasaskan caragaya dan kebiasaan masyarakat Melayu. Dalam kajiannya ini juga, Mahdini telah salah mengertikan istilah *khalifah al-mu‘minin dhil Allāh fi‘l Ardh* sebagai istilah yang memberi legitimasi kekuasaan mutlak bagi raja-raja di alam Melayu.

Demikian pula halnya dengan kajian terhadap *Thamarat al-Muhimmah* daripada Faishal Shadik (2007) yang bertajuk *Politik Islam Melayu; Studi Pemikiran Raja‘Alī Ḥāji* dan lebih menumpukan kajiannya kepada perkara sistem politik. Kesimpulan Shadik adalah Raja‘Alī Ḥāji memandang bahawa bentuk pemerintahan *theo-monarki* adalah bentuk pemerintahan yang ideal. Istilah *theo-monarki* menurut Shadik bermakna bentuk pemerintahan kerajaan yang berasaskan agama.

Kajian berikutnya terhadap *Thamarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah fi Intizām* yang mengandungi kontroversi kerana cenderung mengelirukan dan menghalu kepada penyelewengan sejarah adalah kajian Achmad Syahid Cholil Maksom (2009). Kajian berupa disertasi kedoktoran yang bertajuk *Pemikiran Politik dan Tendensi Kuasa Raja‘Alī Ḥāji* ini, mengkaji aspek politik dan ketatanegaraan yang terkandung dalam kedua-dua naskah. Isu-isu yang diungkap dalam kajian ini adalah; pertama, mengenai pemikiran politik Raja‘Alī Ḥāji yang difokuskan pada ehwal pelaksanaan kekuasaan. Kedua, membahas mengenai jaringan intelektual yang mempengaruhi pemikiran Raja‘Alī Ḥāji. Yang ketiga dan yang paling menyudutkan adalah huraian

<sup>12</sup> Untuk penjelasan lebih terperinci mengenai bidang kepakaran Raja‘Alī Ḥāji, sila rujuk Virginia Matheson Hooker, "Suasana Budaya Riau Dalam Abad-19: Latar Belakang dan Pengaruh" dalam *Tradisi Johor-Riau: Kertas Kerja Hari Sastra 1983*, Zahrah Ibrahim, (ed.) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 114, Abu Hassan Sham *Puisi-puisi Raja‘Alī Ḥāji* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 69, Khalif Muammar A. Harris, "Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja‘Alī Ḥāji" dalam *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation* 29 no.1, (2011), 79-101

Syahid tentang kecenderungan Raja‘Alī Ḥāji terhadap kekuasaan dan asumsi bahawa di dalam kedua-dua naskah itu tersembunyi gagasan dan kepentingan peribadi Raja‘Alī Ḥāji. Achmad Syahid memberi kesimpulan bahawa Raja‘Alī Ḥāji adalah pelakon politik (*political actor*) yang telah membangunkan ‘rejim kebenaran’.<sup>13</sup> Hal ini kerana Raja‘Alī Ḥāji telah memuatkan nilai-nilai agama ke dalam kerangka kerja institusi kerajaan dan menjalankan pemerintahan yang benar menurut pandangannya. Dalam pemikiran Syahid, Raja‘Alī Ḥāji dipandang memiliki hasrat terhadap kekuasaan dan apa yang beliau lakukan dalam upayanya sebagai penasihat kerajaan, semata-mata hanyalah demi kejaya belaka.

Kesimpulan sedemikian sebenarnya dapat ditelaah bermula daripada pandangan alam sekular yang menghendaki dan menghadkan peranan agama hanya sebagai sebagai tuntunan ibadah dan memisahkannya dengan bidang lain misalnya politik. Pendapat sedemikian juga membayangkan kerangka berpikir yang menempatkan kedudukan para ulama menjadi sama dengan kedudukan paderi Kristian Anglikan dan *clergical system* bagi legitimasi raja-raja Inggeris dalam sejarah ketatanegaraan kerajaan itu.<sup>14</sup> Manakala hubungan ulama dan *umara* dalam Islām boleh berjalan dengan serasi kerana tanggungjawab untuk menegakkan ajaran Islām di pundak para ulama dan tugas-tugas *umara* adalah seiring sejalan. Tradisi untuk menasihati dan menegur khalifah telah wujud sejak zaman *Khulafa‘al-Rāshidīn* lagi dan berpunca dari suruhan al-Qur‘ān dan al-Sunnah.<sup>15</sup>

Karya ilmiah terkini yang di dalamnya terdapat kajian terhadap *Thamarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah fī Intizām* adalah artikel Khalif Muammar A.Harris yang

<sup>13</sup> Dalam pandangan pengkaji, penggunaan istilah *rejim* oleh Achmad Syahid dalam kajian ilmiahnya, sesungguhnya memberikan makna yang negatif meskipun dihubungkan dengan kata *kebenaran*. Istilah *rejim* (Melayu) yang merupakan serapan daripada kata *regime* (Inggris) bermakna : 1. a *government especially an authoritarian one* dan 2. *A system on ordered way of doing things* (Oxford Online Dictionary) ataupun “a *government especially one that has not been elected in a fair way*”. Example: A fascist/totalitarian/militarian regime or an oppresive/brutal regime (Oxford American Online Dictionary). Meskipun dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia kata *rezim* bermakna tata pemerintahan atau pemerintahan yang berkuasa, namun dalam tulisannya Syahid mengacu kepada istilah *rejim* daripada Foucault sehingga arti kata itu menjadi negatif. Dalam khasanah persuratan Melayu-Indonesia pun, pengkaji belum pernah menemukan istilah *rejim/rezim* yang mengandungi makna positif, seumpamanya; *Rezim Soekarno*, *Rezim Soeharto*, dan *Rezim Ferdinand Marcos*, yang dicontohkan sebagai pemerintahan yang melakukan penindasan kepada rakyatnya

<sup>14</sup> Antaranya, lihat “King and The Commonwealth” dalam *Our Island Heritage* Vol.2 (Great Britain: Reader’s Digest, 1989), 33

<sup>15</sup> Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk Khalif Muammar A.Harris dalam bahagian Pengenalan, “Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja‘Alī Ḥāji”, dalam *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation* 29:1(2011):80

bertajuk *Ketatanegaraan Islam di Alam Melayu Abad ke-19*.<sup>16</sup> Kajian ini mengambil berat tentang pentingnya para pemimpin mendapat teguran dan nasihat yang jujur ikhlas daripada ulama dan rakyatnya. Perkara memberi nasihat kepada pemimpin oleh para ulama telah menjadi tradisi dalam keilmuan Islām. Dengan demikian, sebagai pewaris daripada ulama-ulama terdahulu, para ulama di alam Melayu pun turut mengambil berat perkara politik dan kenegaraan dengan menuliskan karya-karya bergenre *naṣīḥat al-mulūk*, suatu karya yang menurut beliau, berbeza dengan genre *mirror for Princes* dalam khazanah ketatanegaraan Barat. Ianya tidak ditulis sama ada untuk membenarkan segala tindakan raja ataupun untuk mengaibkannya. Justeru ia adalah satu bentuk pelaksanaan *amar ma'ruf nahi munkar* yang dilakukan dengan cara yang benar dan beradab.<sup>17</sup>

Bagi pengkaji, kajian ilmiah ini memperbetulkan beberapa kesalahan yang terdapat pada kajian-kajian tentang ketatanegaraan di alam Melayu sebelumnya. Misalnya mengenai penggunaan istilah *zillu'LLāh fi al-ard* yang disalahertikan oleh ramai pengkaji sebagai legitimasi bagi perlakuan sewenang-wenang raja, kerana raja dianggap sebagai jelmaan tuhan di muka bumi. Konsep *zillu'LLāh fi al-ard* yang dimaksudkan di sini bermakna raja adalah bayang-bayang yang hanya wujud dengan kewujudan pemilik bayang-bayang yang hakiki iaitu Allāh *Ṣubḥānahu wa Ta'ālā*. Dengan demikian, perkataan *zillu'LLāh fi al-ard* tidak memberi gambaran bahawa seorang raja memiliki kuasa mulak, justeru sebaliknya, ia tertakluk kepada hukum Allāh.

Kajian ini juga menjawab pelbagai prasangka yang sering dituduhkan para pengkaji semasa kepada para ulama yang menulis karya ketatanegaraan ataupun menjawat sebagai penasihat kerajaan, sebagai ulama yang haus kekuasaan dan memiliki kepentingan tertentu terhadap kerajaan. Tujuan para ulama menulis karya nasihat kepada raja dan karya ketatanegaraan semata hanyalah untuk diguna sebagai panduan para pemimpin dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada rakyat kerana politik bukan hanya berkenaan dengan kuasa dan pengaruh serta cara untuk meraih dan

---

<sup>16</sup> Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk Khalif Muammar A.Harris “Ketatanegaraan Islam di Alam Melayu Abad ke-19” dalam *Patriotisme dan Ketatanegaraan* (Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan Biro Tata Negara Jabatan Perdana Menteri Kerjasama dengan CASIS, UTM,2015), 57-116

<sup>17</sup> Ibid.,64

mengekalnya, tetapi ia adalah alat bagi mencapai matlamat yang lebih tinggi iaitu kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kajian awal mengenai konsep keadilan di alam Melayu sebetulnya telah dilakukan oleh Tatiana Denisova. Dalam artikel bertajuk *Konsep Keadilan dalam Historiografi Melayu Islam Kurun ke-13 Sehingga ke-19*,<sup>18</sup> beliau mengungkap beberapa konsep falsafah yang terpenting iaitu konsep keadilan, konsep kerajaan dan konsep hukum pembalasan dengan melakukan analisis terhadap lima naskah penting dalam kesejarahan Melayu yakni *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Aceh*, *Sejarah Melayu*, *Peringatan Sejarah Negeri Johor* dan *Tuhfat al-Nafis*. Kajian ini menyimpulkan bahawa antara ketiga-tiga konsep ini terdapat hubungan yang sangat erat. Maklumat tentang kerajaan yang adil selalunya mengemukakan keterangan mengenai ciri-ciri keadilan dan cara memerintah negara dengan adil. Setiap catatan tentang dosa, nafsu atau Sultan yang tidak adil biasanya akan dihubungkan dengan cerita pembalasan sewajarnya dari *Allāh Subhānahu wa ta'ālā*.

Dalam artikel ini, terkandung juga pelbagai kriteria yang harus dipenuhi oleh seorang raja, agar dapat disebut disebut sebagai raja yang adil<sup>19</sup> kerana raja yang tidak adil akhirnya akan hilang kerajaannya, negara yang tidak adil pada akhirnya akan mundur dan hilang kebebasannya, dan setiap perkara yang jahat akhirnya akan menerima balasan dari *Allāh Subhānahu wa ta'ālā*. Rumusan analisis daripada Denisova ini menunjukkan bahawa dalam historiografi Melayu Islām sudah wujud suatu konsep keadilan yang umum sifatnya. Terkait dengan kajian ini, bagi pengkaji hasil penelitian Tatiana Denisova ini memberi kontribusi yang sangat besar dan

<sup>18</sup> Tatiana Denisova, "Konsep Keadilan dalam Historiografi Melayu Islam Kurun ke-13 Sehingga ke-19" dalam *AFKAR, Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Bil.6 (Rabī al-Awwāl 1428/April 2007)

<sup>19</sup> Sifat-sifat raja adil itu adalah sebagai berikut: rupa yang baik, suara yang hebat, budi dan adab yang baik-baik, bahasa yang ikhlas, berani dan pahlawan (*shahid fī sabil Allāh*), pemurah, sabar, bijaksana, sederhana (*rendah hati*) dan asal-usul yang murni. Raja adil perlu pandai dalam ilmu *ushuluddin*, ilmu fikah, ilmu tentera (*ilmu peperangan*), perniagaan, pemerintahan negara dan perundangan. Raja adil wajib memerintah negeri dengan adil, menghukum secara adil, mengikut undang-undang, mengampunkan dosa, bermusyawarah dan bermuafakat dengan orang alim (*orang besar-besar, orang tuha-tuha dan lain-lain*), memelihara negeri, mengukuhkan negeri, mengawal negeri, meramaikan dan membanyakkan negeri, membaiki negeri, memelihara rakyat dan semua isi negara, memelihara harta benda orang, membenci orang jahat, meramaikan/membanyakkan perniagaan, mengaturkan rezeki, mengatur orang besar-besar, menjaga semua orang besar-besar dan pegawai supaya tidak berbuat jahat terhadap rakyat, jangan tamak akan harta orang lain dan jangan tamak akan harta dunia. Dalam bidang agama, raja wajib mentaati *Allāh Subhānahu wa Ta'ālā*, mengikut sabda Nabi Muḥammad *ṣallaLlāhu 'alayhi wa sallam*, mengukuhkan agama, membela Islām dan mengumpulkan segala raja *Masyrik Maghrib*, menjadi *Khalifah Allāh*, berbuat ibadat, melaksanakan amalan secara baik-baik, jangan menukar agama dengan dunia, menuntut ilmu, membangunkan masjid, mengukuhkan akhlak dan mengikut tarekat.



menjadi landasan bagi kajian lanjutan mengenai konsep keadilan, terutama dari segi metod analisa teks dan penelaahan kriteria raja adil.

Selanjutnya, kajian yang juga menelaah karya Raja‘Alī Ḥāji dilakukan oleh Musa Ahmad(1993) dan Kartini binti Anwar(2008) yang melakukan kajian ke atas *Gurindam Dua Belas*. Kedua-dua kajian ini lebih menekankan kepada aspek kebahasaan. Dalam artikelnya yang bertajuk; *Aktualisasi Nilai-nilai Islam Gurindam Dua Belas karya Raja‘Alī Ḥāji*, Musa Ahmad menjelaskan bahawa *Gurindam Dua Belas* merupakan hasil perenungan mendalam penulisnya terhadap ajaran Islām. Dengan demikian menurut Ahmad, *Gurindam Dua Belas* pada hakikatnya merupakan cerminan perasaan, pengalaman, dan pemikiran Raja‘Alī Ḥāji dalam hubungannya dengan hidup dan kehidupan manusia di dunia ini. Manakala kajian Kartini binti Anwar bertajuk *Raja‘Alī Ḥāji: Suatu Kajian Mengenai Pemikiran dan Kepengarangannya* dan meneliti 5 naskhah karya Raja‘Alī Ḥāji, termasuk *Gurindam Dua Belas*, juga berupaya untuk menelaah aspek kebahasaannya sama ada secara tekstual mahupun kontekstual. Kajian berupa tesis peringkat sarjana daripada National Institute of Education, Nanyang Technological University ini, meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi pemikiran kebahasaan dan kepengarangan Raja‘Alī Ḥāji dalam mendedahkan gagasannya.

## 1.7 Metodologi Kajian

Agar kajian menjadi lebih terarah, perlu ditentukan metodologi yang diguna dalam proses pengkajian. Metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah(metode) dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.<sup>20</sup> Metodologi ini meliputi penjelasan mengenai sumber-sumber kajian, metode kajian dan langkah-langkah kajian.

---

<sup>20</sup> Dato Paduka Hj.Mahmud bin Hj. Bakyr (koord.), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003), 1783

### 1.7.1 Sumber Kajian

Kerana kajian ini menumpukan tema penelitiannya kepada pemikiran keadilan Raja‘Alī Hāji, maka sumber utama (primer) kajian ini adalah karya-karya Raja‘Alī Hāji yang berdasarkan hasil pembacaan awal pengkaji mengandungi prinsip-prinsip keadilan. Karya-karya tersebut adalah; *Gurindam Dua Belas, Muqaddimah fī Intizām* dan *Thamarat al-Muhimmah*. Seterusnya, bagi mendapat maklumat yang lengkap, kajian ini juga memerlukan penyelidikan kepustakaan bagi mencari dan mengumpulkan maklumat yang berhubungkait dengan permasalahan kajian daripada sumber lainnya.

Dalam kajian ini, teks *Gurindam Dua Belas* yang digunakan adalah salinan manuskrip cetak batu *Tijdschrift voor Indische Taal-, Land en Volkenkunde van het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen* (TBG), 2, 1854 dengan tajuk “*De Twaalf Spreukgedichten Een Maleisch gedicht door Radja Ali Hadji van Riouw uitgegeven en van de vertaling en aanteekeningen voorzien*” yang diusahakan penerbitannya oleh Eliza Netscher, asisten residen Batavia pada 1854 M. Salinan manuskrip ini merupakan bahagian dari koleksi Pustaka Peringatan Za’ba, Perpustakaan Universiti Malaya, Malaysia. Sebetulnya, pengkaji menemukan salinan yang lebih awal dari *Gurindam Dua Belas* cetak batu, yakni salinan manuskrip tulis tangan dengan angka tahun 1846 M. Salinan manuskrip terawal daripada Pulau Penyengat sebanyak 7 muka surat ini diperoleh pengkaji daripada Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI), Jakarta, Indonesia, dalam bentuk salinan file microfilm dengan kod W233, (RF504), Rol(MF20.03). Hanya saja, keadaannya tidak begitu baik sehingga banyak tulisan yang tidak dapat dibaca kerana kertas yang sudah semakin lapuk. Seterusnya, teks *Muqaddimah fī Intizām* dalam kajian ini adalah salinan daripada manuskrip cetak batu yang diterbitkan di Lingga pada bulan Rajab 1304H/1884 M dan juga berada di Perpustakaan Universiti Malaya, koleksi Pustaka Peringatan Za’ba. Manakala teks *Thamarat al-Muhimmah* yang digunakan pengkaji, adalah salinan manuskrip terawal yakni tahun 1860 M daripada Pulau Penyengat yang diperoleh pengkaji daripada Perpustakaan Nasional Republik Indonesia(PNRI),Jakarta, Indonesia. Salinan manuskrip sebanyak 120 mukasurat ini dalam keadaan yang sangat

baik dan jelas terbaca dengan kod W18,(R#564), Rol (MF 124.03). Sebagai bahan perbandingan, digunakan pula salinan manuskrip cetak batu daripada Pulau Lingga yang dibuat pada bulan Muharram 1304H/1884M dan telah diperbanyak serta dicetak semula oleh Khazanah Fathaniyah.

Bagi keperluan melengkapkan kajian dengan maklumat berupa pangamalan konsep keadilan Raja‘Alī Ḥāji di kerajaan Riau-Lingga abad ke-19, pengkaji juga melakukan pembacaan kepada karya historiografi Raja‘Alī Ḥāji yang bertajuk *Tuhfat al-Nafīs*. Naskah *Tuhfat al-Nafīs* yang diguna dalam kajian ini adalah naskah yang telah dikaji dan dirumikan oleh Virginia Matheson-Hooker dengan berasaskan kepada empat naskah asal *Tuhfat al-Nafīs*<sup>21</sup>. Hasil kajian beliau ini telah dibukukan dengan tajuk *Tuhfat al-Nafīs:Sejarah Melayu Islam* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia pada 1998.

## 1.7.2 Metode

Metode bermaksud suatu cara yang teratur dan terancang dengan baik untuk mencapai suatu maksud atau matlamat.<sup>22</sup> Kajian ini menumpukan perbincangan mengenai pemikiran tokoh Islām Raja‘Alī Ḥāji, dengan menganalisis aspek-aspek keadilan dalam pelbagai karya beliau. Kajian ini adalah kajian yang menggunakan kaedah analisa kandungan (*content analysis*) yang merupakan suatu teknik untuk mengambil kesimpulan dengan mengenalpasti pelbagai karakteristik khusus suatu pesan. Analisa dilakukan ke atas teks *Gurindam Dua Belas*, *Muqaddimah fī Intizām* dan *Thamarat al-Muhimmah* sehingga ketiga-tiga karya ini akan dianalisis untuk menemukan pemahaman yang lebih mendalam mengenai pemikiran keadilan Raja‘Alī Ḥāji. Analisa juga akan dibuat terhadap bagaimana cara pengarang merangkaikan kata-kata dalam menyampaikan pesannya.

---

<sup>21</sup>Mengenai keterangan selengkapnya tentang empat naskah manuskrip asal yang menjadi sumber kajian Hooker, sila rujuk bahagian pengenalan daripada buku *Tuhfat al-Nafīs:Sejarah Melayu Islam*

<sup>22</sup>Ibid., 1784

Pengkaji juga meneliti sumber-sumber lain yang diperoleh daripada penyelidikan kepustakaan yang berupa karya tulis sama ada buku ataupun artikel dan jurnal, yang mengkaji dan melakukan pembahasan ke atas karya-karya Raja‘Alī Ḥāji. Apabila seluruh bahan diperoleh dan dibaca, akan dilakukan analisis ke atasnya, sehingga berdasarkan hasil analisis tersebut, diharapkan akan diperoleh pemahaman yang menyeluruh mengenai pemikiran keadilan Raja‘Alī Ḥāji.

Seterusnya penyelidik menggunakan kaedah dokumentasi bagi mendapatkan ketiga-tiga naskah karya Raja‘Alī Ḥāji iaitu *Gurindam Dua Belas*, *Muqaddimah fī Intizām* dan *Thamarat al-Muhimmah*. Naskah-naskah ini merupakan sumber primer untuk meneliti isi kandungan dan beberapa perbincangan mengenai konsep keadilan. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis data secara tekstual berdasarkan naskah-naskah tersebut. Di samping itu, pengkaji membandingkan naskah-naskah tersebut (*intertextual*) kerana ia mempunyai kekuatan yang tersendiri contohnya bahagian khatimah *Thamarat al-Muhimmah* memiliki keterkaitan kandungan yang kuat dengan *Gurindam Dua Belas*.

### **1.7.3 Langkah-Langkah Kajian**

Dalam kajian ini dilakukan beberapa langkah untuk mendapatkan konsep keadilan dalam pandangan dan pemikiran Raja‘Alī Ḥāji. Langkah pertama, membahas istilah-istilah kunci yang berkaitan keadilan dalam tiga karya Raja‘Alī Ḥāji, serta mencari definisi, ciri-ciri dan jenis-jenis keadilan yang terselit di dalam ketiga-tiga teks utama karya Raja‘Alī Ḥāji. Langkah kedua, membicarakan pengamalan konsep keadilan Raja‘Alī Ḥāji dalam kehidupan dan pentadbiran Kerajaan Riau-Lingga pada masanya iaitu kurun ke-19. Langkah ketiga adalah menarik kesimpulan yang terhasil dari perbincangan ini.

## 1.8 Susunan Kajian

Kajian ini mengandungi lima bab. Dalam bab pertama, perkara yang menjadi pendahuluan kepada kajian ini dikemukakan. Di dalamnya terdapat latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, batasan kajian, sorotan literatur, metodologi kajian dan susunan kajian. Dalam bab kedua akan dibincangkan latar belakang Raja‘Alī Ḥāji dan pengenalan kepada karya-karya beliau. Akan dibincangkan pula bagaimana keadaan keluarga, latar belakang pendidikan dan persekitaran beliau (*milieu*), termasuklah aspek sosial dan politik yang turut membentuk dan memberi pengaruh kepada pemikiran Raja‘Alī Ḥāji.

Dalam bab ketiga, penulis akan membincangkan konsep keadilan dalam pemikiran Raja‘Alī Ḥāji yang terdapat di dalam ketiga-tiga karyanya tersebut di atas. Bab ini, akan mendedahkan bagaimana Raja‘Alī Ḥāji menjelaskan perkara keadilan sama ada melalui syair, gurindam, prosa, mahupun pesanan berupa nasihat. Selanjutnya, secara fokus akan membincangkan konsep keadilan menurut beliau berasaskan hasil analisa kepada karya-karya terpilih itu.

Bab keempat daripada tesis ini akan mengetengahkan maklumat-maklumat yang diperoleh berkenaan dengan pelaksanaan atau pengamalan konsep keadilan Raja‘Alī Ḥāji di Kerajaan Riau-Lingga pada abad ke-19. Hal ini dilakukan untuk melihat bagaimana sesungguhnya idea keadilan diterapkan dengan sebenarnya dalam pentadbiran kerajaan. Upaya ini dilakukan dengan melakukan pembacaan terhadap karya historiografi beliau yakni *Tuhfat al-Naftis*. Tesis ini akan diakhiri dengan bahagian akhir yang berisi kesimpulan dan penutup.

## RUJUKAN

### BUKU

- Abdullah, Wan Mohd Saghir. 1985, *Syeikh Ismail Minangkabawi Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah*. Solo: CV.Ramadhani.
- Abdullah, Wan Mohd Saghir. 1990, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi.
- Abdullah, Wan Mohd Saghir. 2000, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Abu Zahrah, Muhammad. 1994, *Tandhim al-Islām li al-Mujtama'*, diterjemahkan oleh Shodiq Noor Rahmat. Jakarta: PT Pustaka Firdaus.
- Abu Faris, Muhammad Abdul Qadir. 1987, *Al-Nizām al-Siyāsī fī al-Islām*, diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Hery Noer Aly, Yogyakarta: PLP2M.
- Adil, Buyong. *Sejarah Johor*. 1971. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Albānī, Nāsir al-Dīn, *Silsilah al-Aḥadits al-Da'ifah*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1992.
- Al-Anbary, Khalid bin Ali bin Muhammad. 2008, *Fiqh al-Siyāsah al-Shar'iyah* diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu Mohd. Puzhi Usop, dkk menjadi *Sistem Politik Islam*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1963, *Some Aspect of Sufism as Understood and Practised Among Malays*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute, Ltd.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1970, *The Mysticism of Ḥamzah Fanṣūrī*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1995, *Prolegomena to the Metaphysics of Islām: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islām*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001, *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2011, *Islam dan Sekularisme*. Bandung: PIMPIN.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2012, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, cetakan ketempat, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazzālī, Abu Ḥamid Muḥammad. 1964, *Naṣīḥat al-Mulūk*, diterjemahkan oleh F. R. C. Bagley, dengan tajuk *Council for Kings*, London, Oxford University Press.
- Al-Ghazzālī, Abu Ḥamid Muḥammad. 2007, *Iqtisad fi'l I'tiqad*, terj. Alamul Huda Muhammad, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Mawardi, Imām Abu Al-Hasan 'Alī bin Muhammad. 2013, *Al-Ahkam al-Sulṭaniyyah: Hukum-hukum Penyelenggaraan Negara dalam Syariat Islam* (terj.), Bekasi: Darul Falah.
- Al-Qaradhawy, Yusuf, *Al-Dīn wa al-Siyasah : Ta'sīlun wa Raddu Shubuhāt*. 2007, diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Ibnu Sham menjadi *Agama dan Politik: Wawasan Ideal dan Menyanggah Kekeliruan Pemikiran Sekular-Liberal*, Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Al-Rānīrī, Nūr al-Dīn, 2008, *Bustān Salatin: Kisah Raja-raja yang Adil*, transliterasi dan anotasi oleh Jelani Harun, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka
- Al-Sakhāwī, t.t., *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathir min'l Aḥādith al-Mushtaharah 'ala'l-Asīnah* (aaaa).
- Al-Suyūṭī, 1983, *al-Hāwī li'l Fatawā*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, vol ii, 239
- Zabīdy, Muhammad Murtaḍo, *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*, Beirut: Darul Kutub, t.t.
- Amrullah, Haji Abdul Malik Karim (HAMKA). 1961, *Sedjarah Umat Islam*. Djakarta-Bukittinggi: NV. Nusantara.
- Andaya, Leonard Y. 1975, *The Kingdom of Johor 1641-1728*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Andaya, Leonard Y. 1987, *Kerajaan Johor 1641-1728*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azra, Azyumardi. 2006, *Renaissans Islam Asia Tenggara*. (cetakan ke-3). Bandung: PT Remaja Rosda Karya.
- Azra, Azyumardi. 2007, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII&XVIII*. (cetakan ke-3). Jakarta : Kencana Prenada Media Grup, 007.
- Azra, Azyumardi. 1999 *Pendidikan Islam: Tradisi dan Modernisasi Menuju Milenium Baru*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Bagley, F. R. C., 1964 *Council for Kings*, London, Oxford University Press.
- Basri, Ahmad Fawzi. 1963, *Warisan Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Begbie, P.J. 1967, *Malay Peninsula*, (Reprint) Kuala Lumpur : Oxford.
- Borham, Abdul Jalil. 2002, *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*, Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Denisova, Tatiana. 2011, *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gibb, Hamilton Alexander Rosskeen. 1929, *Ibn Battuta: Travels in Asia and Africa, 1325-1354*, London: Routledge.
- Gordon, Alijah. 1999, *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Hadi, Syofyan. 2011, *Naskah al-Manhal al-'adhb li-dhikr al-qalb: Kajian atas Dinamika Perkembangan Ajaran Tarekat Naqsabandiyah Khalidiyah di Minangkabau*, Tesis Magister pada Fakultas Ushuluddin Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, tidak diterbitkan, 2011.
- Haji, Raja Alī. 1984, *Salasilah Melayu dan Bugis*, Diusahakan oleh Mohd Yusof Mohd Nor Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Haji, Raja Alī, 1998, *Tuhfat al-Nafīs*, Dikaji dan diperkenalkan oleh Virginia Matheson Hooker. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji, Raja Alī. 2005, *Bustān al-Kātibīn li al-Sibyān al-Muta'allimīn*, dikaji dan diperkenalkan oleh Hashim bin Musa, Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan.
- Halimi, Ahmad Jelani. 2006, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka Abad ke-15 Hingga ke-18*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haroen, Nasrun 1997, *Ushul Fiqh*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Harun, Jelani, 2003, *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haryono, Anwar. 1982, *Hukum, Kekuasaan dan Keadilan dalam Cahaya Al-Qur-an*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hasan, Samiul. 2007, *Philanthropy and Social Justice in Islam: Principles, Prospects and Practises*, Kuala Lumpur: AS.Noordeen.
- Hooker, Virginia Matheson. 1998, *Tuhfat Al-Nafīs : Sejarah Melayu Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldūn, Abd al-Rahman ibn Muḥammad. 2001, *Mukaddimah*, edisi Indonesia (terj.) Masturi Irham, Lc et.al, Jakarta: Penerbit al-Kautsar.
- Ibrahim, Mohd. Yusof dan Muhayyudin Haji Yahaya. 1988, *Sejarah dan Pensejarahan : Ketokohan dan Karya*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan pustaka.
- Ibn Taymiyah, 2005, *Majmū' al-Fatāwā*, edisi ketiga, 37 vols, Beirut al-Mansurah: Dār al- Wafā.
- Iskandar, Teuku. 1995, *Kesusatraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Jabatan Kesusastraan Melayu Universiti Brunei Darussalam.
- Izutsu, Toshihiko, 2007, *Ethico-Religious Concepts in the Qur'ān*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Junus, Hasan. 2002, *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekanbaru, Riau: Unripress (cetakan kedua). Edisi pertamanya diterbitkan UIR Press 1988.



- Khadduri, Madjid, 1984, *The Islamic Conception of Justice*, Baltimore and London: The Johns Hopkins University Press.
- Khallaf, Abdul Wahab. 1997, *'Ilm Usul Fiqh*, diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia menjadi *Ilmu Ushulul Fiqh*, oleh Masdar Hilmy, Bandung: Gema Risalah Press.
- Laffan, Michael. 2003, *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia*, London and New York, Routledge Curzon Taylor and Francis Group.
- Lebacqz, Karen. 1986, *Six Theories of Justice*. Indianapolis, USA: Augsburg Publishing House.
- Mahdini. 2003, *Raja dan Kerajaan dalam Kepustakaan Melayu*. Pekanbaru: Yayasan Pustaka Riau.
- Miller, Harry. 1965, *The Story of Malaysia*. London: Faber and Faber.
- Munawwir, Ahmad Warson. 1997, *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia*, Surabaya: Pustaka Progressif.
- Mu'jizah, 2009, *Illuminasi dalam Surat-surat Melayu Abad ke-18 dan ke-19*, Jakarta: KPG, 'Ecole française d'Extrême-Orient, Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan Nasional, KITLV.
- Panikkar, KM. 1993, *Asia and Western Dominance : A Survey of the Vasco da Gama Epoch of Asian History 1498-1945*. George Allen & Unwin Ltd. Reprint by The Other Press in Kuala Lumpur.
- Rawls, John. 1971, *The Theory of Justice*, Original Edition. The Belknap Press of Harvard University Press Cambridge, Massachusetts, USA-London, England.
- Reader's Digest *Our Island Heritage* Vol.2. 1989. Great Britain : Reader's Digest.
- Reid, Anthony and David Marr (ed.). 1979, *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Ricklefs, M.C. 2011, *Sejarah Indonesia Modern*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Sanderson, Stephen. 1991, *Macrosociology: An Introduction to Human Societies*. New York: HarperCollins College Publications.
- Sham, Abu Hassan. 1993, *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sham, Abu Hassan. 1995, *Syair-syair Melayu Riau*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Shihab, Quraish. 2000, *Wawasan Al Quran : Tafsir Maudhu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*, cetakan ke-10. Bandung: Mizan.
- Stevens, Th., 2004, *Vrijmetselarij en Samenleving in Nederlands-Indie en Indonesie 1764-1962*, (terj.) Pericles Katoppo menjadi *Tarekat Mason Bebas dan Masyarakat di Hindia-Belanda dan Indonesia 1764-1962*, Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.

- Syahid, Achmad. 2009, *Pemikiran Politik dan Tendensi Kuasa Raja Ali Haji*. Jakarta: Badan Litbang dan Diklat, Puslitbang Lektur Keagamaan, Departemen Agama Republik Indonesia.
- Tagliacozzo, Eric. 2009, *Southeast Asia and the Middle East: Islam, Movement and the Longue Duree*, Singapore : National University of Singapore.
- Teeuw, Andries. 1984. *Sastera dan Ilmu Sastera*, Jakarta: Pustaka Jaya.
- Uthman, Muhammad Zainiy. 2011, *Laṭā'if al-Asrār li Ahl Allāh al-Atyār Nūr al-Dīn al-Rānīrī: An Annotated Transliteration together with a Translation and an Introduction of His Exposition on the Fundamental Aspects of ṣūfī Doctrines* Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Van Bruinessen, Martin. 1998, *Tareqat Naqsabandiyyah di Indonesia: Survei Historis, Geografis dan Sosiologis*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Van der Putten, Jan dan Al-Azhar. 2007, *Dalam Berkekalan Persahabatan*, Jakarta: Kelompok Penerbitan Gramedia.
- Vos, Reinout. 1993, *Gentle Janus Merchant Prince: The VOC and the Tightrope of Diplomacy in the Malay World, 1740-1800*. Leiden: KITLV Press.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. 2007, *Budaya Ilmu: Suatu Penjelasan*, Singapura : Pustaka Nasional.
- Wilkinson, R. J. 1901, *A Malay-English Dictionary* Singapore: Kelly&Walsh, Ltd.

## JURNAL

- A. Harris, Khalif Muammar, *Dewesternisasi dan Desekularisasi Politik Kontemporer*, dalam ISLAMIA, Volume V No.2, 2009.
- A. Harris, Khalif Muammar, *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji*, diterbitkan dalam Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation 29 (1), 2011, 79-101.
- Abdullah, Mohd Syukri Yeoh-Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Tasawwuf: An Impetus to Islamic Revivalism in the Malay World*, TAWARIKH: International Journal for Historical Studies, 2(2) 2011, 177.
- Brahim, Ahmad Zaki bin, *Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang-bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun : Analisis Menurut Perspektif al-Qur'ān*, Jurnal Usuluddin, Bil 19(2004), 62.
- Caldwell, Malcolm, Imperialism in the Malay World, *Social Scientist*, Vol.1, No.11 (Jun, 1973), 3-17.

- Denisova, Tatiana, "Konsep Keadilan dalam Historiografi Melayu Islam Kurun ke-13 Sehingga ke-19" dalam *AFKAR, Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Bil.6: Rabī al-Awwāl 1428/ April 2007.
- Harun, Jelani. *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas: Karya Ketatanegaraan Melayu yang Terakhir* dalam Sari : Journal of the Malay World and Civilisation (19), 2001.
- Hermawan, Sulhani, *Tinjauan Keadilan Sosial terhadap Hukum Tata Pangan Indonesia*, Jurnal Mimbar Hukum Vo.24,No.3, Oktober 2012.
- Hidayatullah, Mochammad Syarif. *Bustan al-Katibin, Kitab Tata Bahasa Melayu Pertama Karya Anak Negeri* dalam *Thaqafiyat*, vol.13,no.1, Juni 2012.
- Ibrahim, Ahmad Zaki, *Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang-bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun: Analisis Menurut Perspektif al-Qur'ān*, Jurnal Usuluddin, Bil 19[2004], 61-92.
- Maier, Hendrik MJ, *Raja Ali Haji dan Hang Tuah: Arloji dan Mufassar*, diterbit dalam Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation (19), 2001, 159-178.
- Matheson, Virginia, *Pulau Penyengat: Nineteenth Century Islamic Centre of Riau*, dalam *Archipel* 37, 1989.
- Matheson, Virginia, *Mahmud, Sultan of Riau and Lingga (1823-1864)*, Indonesia, No.13(Apr.,1972), diterbitkan oleh Southeast Asia Program Publications at Cornell University.
- Mujib, Ahmad, *Wawasan Keadilan dalam al-Quran*, dalam *Cendekia Jurnal Kependudukan dan Kemasyarakatan STAIN Ponorogo*, Vol.3 No.2 Juli-Desember 2005.
- Porath, Nathan. *A River, a Road, an indigenous people and entangled landscape in Riau, Indonesia*, BKI, No.158.4, 2002.. Leiden : KITLV.
- Steenbrink, Karl. *Syair Abdul Muluk Raja Ali Haji dari Penyengat* dalam *Ulumul Quran*, No.2, Volume.IV, 1993.
- Van Bruinessen, Martin, *Origins and Development of the Sufi Orders (tarékat) in Southeast Asia*, dalam *Studia Islamika - Indonesian Journal for Islamic Studies* vol. 1, no.1 (1994).
- Van der Putter, Jan, *Versified Awai Verified : Syair Awai by Raja Ali Haji* dalam *Indonesia and the Malay World*, No. 72, 1997.
- Wan Hassan, Wan Zulkifli, *Nilai-nilai Fleksibiliti dalam Sumber Perundangan Islam* dalam *Jurnal MALIM*, Bilangan 10, (2009).
- Zionis, Rijal Mumazziq, *Posisi al-'Urf dalam Bangunan Hukum Islam*, Jurnal FALASIFA, Vol. 2 No. 2 September 2011.

## ARTIKEL

- A Harris, Khalif Muammar, Ketatanegaraan Alam Melayu Abad ke-19 dalam Patriotisme dan Ketatanegaraan, Kuala Lumpur : Akademi Kenegaraan Biro Tata Negara Jabatan Perdana Menteri Kerjasama dengan CASIS, UTM, 2015.
- Al-Hady, Syed Alwi, The Life of My Father dalam Alijah Gordon, *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, 1999.
- Andaya, Barbara Watson-Virginia Matheson, Pikiran Islam dan Tradisi Melayu dalam Anthony Reid (ed.), *Dari Raja Ali Haji Hingga HAMKA: Indonesia dan Masa Lalunya*. Jakarta: Grafiti Pers, 1983.
- Andaya, Barbara W.-Virginia Matheson, Islamic Thought and Malay Tradition: The Writing of Raja Ali Haji of Riau (ca. 1809-ca.1870) dalam Anthony Reid-David Marr (ed.), *Perception of the Past in Southeast Asia*, Singapore:Heinemann Educational Books, 1978.
- Barnard, Timothy. The Hajj, Islam and Power among the Bugis in Early Colonial Riau dalam Eric Tagliacozzo(ed.), *Southeast Asia and the Middle East: Islam, Movement and the Longue Duree*, Singapore : National University of Singapore, 2009.
- Derks,Ton, Ethnic Identity in the Roman Frontier. The Epigraphy of Batavi and Other Lower Rhine Tribes dalam Derks-Roymans (ed.), *Ethnic Constructs in Antiquity : The Role of Power and Tradition*. Amsterdam Archaeological Studies 13. Amsterdam: Amsterdam University Press, 2009.
- Hamidy, UU. Hilang Jasa Kapak oleh Jasa Ketam : Peranan Raja Ali Haji dalam Perwujudan Bahasa Indonesia dalam Majalah Sastra *Horison*, Tahun XXXI,no.12, 1996.
- Hassan,Hamdan, Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Laffan, Michael. An Indonesian Community in Cairo: Continuity and Change in a Cosmopolitan Islamic Milieu, *Indonesia*, No. 77 (Apr., 2004), pp. 1-26. Diterbitkan oleh Southeast Asia Program Publications at Cornell University.
- Masurori, Mohd Pozi Haji. Raja Ali Haji dan Kepengarangannya dalam *Warisan Persuratan Johor*. Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh,Hamzah Hamdani, Saleh Daud (eds.). 1997. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor.

- Matheson, Virginia. Suasana Budaya Riau Dalam Abad-19: Latar Belakang dan Pengaruh dalam *Tradisi Johor-Riau:Kertas Kerja Hari Sastra 1983*. Zahrah Ibrahim,(ed.). 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masruri,Mohammad Fauzi Haji, Raja Ali Haji dan Kepengarangannya, dalam *Prosiding Seminar Warisan Persuratan Johor*, 1-4 Ogos 1996 Anjuran Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Macknight, C.C. The early history of Sulawesi Selatan, Working Paper No.81, Australia: Monash University, 1993.
- Macknight, C.C. 'South Sulawesi chronicles and their possible model'. A paper presented for the Vasco da Gama Quincentenary Conference, La Trobe University, June.), 1997.
- Nur Dzai, Apa Istimewanya Raja Ali Haji?, *Majalah Mastika*, Edisi Julai 1972, Kuala Lumpur : Utusan Melayu.
- Rab, Tabrani, Dari Raja Ali Haji ke Alvin Toffler dalam S.Othman Kelantan, *100 Tahun Pergerakan Bahasa dan Sastera Melayu 1888-1988*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementrian Pendidikan Malaysia, 1992.
- Riddell, Peter G, Schools of Islamic Thought in Southeast Asia, Paper to be presented at the symposium *Islam in Southeast Asia and China: Regional Faithlines and Faultlines in the Global Ummah*", 28 November – 1 December, 2002 at City University of Hong Kong.
- Sham, Abu Hassan. Tariqat Naqsabandiyah dan Peranannya dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad Kedua Puluh, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Vos, Reinout. The Broken Balance, The Origin of the War Between Riau and the VOC in 1783-1784 dalam GJ.Schutte (ed.), 1994. *State and Trade in the Indonesian Archipelago*.Leiden: KITLV Pres.,118.
- Wiji Muthari, Abdul Hadi. Raja Ali Haji, Ulil Albab di Persimpangan Zaman, Dalam Hasan Junus (Ketua Tim Penyusun), 2004.*Sejarah Perjuangan Raja Ali Haji Sebagai Bapak Bahasa Indonesia*, Pekanbaru, UNRI-Pemerintah Kota Tanjung Pinang-Pemerintah Provinsi Riau.

## DISERTASI

- Omar, Rahilah. *The history of Boné A.D. 1775-1795: The diary of Sultan Ahmad as-Salleh Syamsuddin*, unpublished Ph.D Thesis of University of Hull, UK, 2003.

**AKHBAR**

A Harris, Khalif Muammar, Ketuanan Melayu dan Ketuanan Rakyat dari Perspektif Islām, Berita Harian, 19hb Mei 2013.

Abdullah, Wan Mohd Saghir, Syeikh Abdul Wahhab Siantan, Mufti dan Guru Kerajaan Riau-Lingga, dalam akhbar Utusan, 27hb Mac 2006.

Abdullah, Wan Mohd Saghir, Syeikh Abdul Ghafur bin Abbas al-Maduri, dalam Akhbar Utusan 8hb oktober 2007.